

1981

GENTING HIGHLANDS, 11 MEI (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYATAKAN PERLUNYA USAHA-USAHA UNTUK MENINGKATKAN LAGI TEKNOLOGI DAN KEMAHIRAN DIBERI TEKANAN UTAMA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PERKEMBANGAN-PERKEMBANGAN YANG TERDAPAT SEKARANG INI ADALAH PETUNJUK SIHAT BAHAWA EKONOMI NEGARA SEDANG MEMASUKI SATU FASA BARU.

BERUCAP DI PEMBUKAAN SEMINAR KEPERLUAN DAN PERKEMBANGAN TENAGA MAHIR DI MALAYSIA PADA TAHUN-TAHUN LAPAN PULUHAN DI SINI, BELIAU BERKATA MALAYSIA PERLU MENYAMBUT SECARA POSITIF KEPADA PERUBAHAN -PERUBAHAN TERSEBUT.

TAMBAHNYA, KUALITI DAN KUANTITI TENAGA KERJA MAHIR NEGARA AKAN MERUPAKAN SATU KRITERIA YANG PENTING UNTUK PELABURAN ASING.

+LAPORAN MENGENAI KEKURANGAN BURUH DI DALAM EKONOMI NEGARA BUKANLAH BERMAKNA PENGANGGURAN SUDAH BERKURANGAN TETAPI SEMATA-MATA MENUNJUKKAN BAHAWA PARA PEKERJA DINEGARA INI LEBIH MEMILIH PEKERJAAN,+ KATANYA. — BERSAMBUNG 1745/LK
MAHATHIR 2 GENTING HIGHLANDS

KATANYA, OLEH KERANA PERSAINGAN UNTUK MENDAPATKAN BURUH MENINGKAT, PIHAK PENGURUSAN PERLU MENGORIENTASI SEMULA ANDAIAN BERASASKAN EKONOMI YANG MEMPUNYAI BURUH YANG BERLEBIHAN.

BELIAU MENAMBAH BAHAWA KEJAYAAN RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT YANG BARU SAJA DILANCARKAN, ANTARA LAIN, BERGANTUNG KEPADA PEMBANGUNAN TENAGA MAHIR YANG INSAF DAN BERDEDIKASI KERANA KEKURANGAN TENAGA MAHIR JENIS INI SEDIKIT SEBANYAK BOLEH MENJEJASKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA.

KATANYA MEMANDANGKAN PERMINTAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA SEMAKIN BERTAMBAH TERUTAMA DALAM PERINDUSTRIAN PEMBUATAN DAN PEMBINAAN YANG SEDANG BERKEMBANG PESAT, USAHA-USAHA SEKTOR AWAM DAN SWASTA DALAM MENAMBAHKAN BILANGAN DAN KEUPAYAAN INSTITUSI-
INSTITUSI LATIHAN VOKESIONAL DAN INDUSTRI PERLU DITINGKATKAN. —
BERSAMBUNG 1747/LK

MAHATHIR 3 GENTING HIGHLANDS

34

BERKENAAN LATIHAN KERJA, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA JIKA SATU PROGRAM BESAR DIADAKAN OLEH TIAP-TIAP INSTITUSI LATIHAN, MASALAH KEKURANGAN TENAGA TERLATIH TIDAK AKAN TIMBUL.

KATANYA, RUNGUTAN BAHAWA APABILA SEORANG PEKERJA MEMPUYAI KECEKEPAN IA DILARIKAN KE SYARIKAT LAIN SEBENARNYA TIMBUL KERANA BILANGAN PEKERJA YANG TERLATIH ADALAH AMAT BERKURANGAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAMBAH, KEJAYAAN BEBERAPA NEGARA DI TIMUR JAUH DALAM PEMBANGUNAN INDUSTRI TALAH DISEBABKAN OLEH MINAT DAN DEDIKASI PEKERJA MEREKA.

JIKA INGIN MENCAPI KEJAYAAN MAKA PARA PEKERJA MESTILAH MEMPUYAI DEDIKASI DAN RAJIN BEKERJA, JUJUR DAN BERTANGGUNG-JAWAB.

SEMUA INI MESTI DIPUPUK DI WAKTU PEKERJA DILATIH MELALUI SYARAHAN DAN AMALAN-AMALAN YANG BOLEH MEMBANGKITKAN SEMANGAT DAN MENANAM NILAI KERJA YANG BAIK. — BERSAMBUNG 1750/LK

B600:
MAHATHIR 4 GENTING HIGHLANDS

SEBAGAI SUSULAN KEPADA LATIHAN INI, SATU SISTEM INSENTIF DAN GANJARAN MESTILAH DIUTARAKAN SUPAYA KELULUSAN AKEDAMIK TIDAK SELALUNYA MENDAHULUI KERAJINAN DAN DAYA PENGELUARAN+ KERJA, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN PERLUNYA GALAKAN EKSPORT DAN GANTIAN IMPORT DIPERHEBATKAN KERANA STRATEGI TERSEBUT DIJANGKA DAPAT MENYEDIAKAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN SERTA MENYUSUN SEMULA STRUKTUR KEGUNAAN TENAGA DI KALANGAN KAUM DAN KAWASAN.

KATANYA LANGKAH INI MEMERLUKAN USAHA-USAHA YANG +INNOVATIVE+ DARI INSTITUSI-INSTITUSI YANG MELATIH DAN MENGELUARKAN TENAGA KERJA MAHIR YANG DIPERLUKAN OLEH NEGARA.

BELIAU MENYATAKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG LEMBAB YANG DIJANGKA BAGI NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN BESERTA DENGAN PERTAMBAHAN DASAR PERLINDUNGAN, INFLASI ANTARABANGSA SERTA KEADAAN KADAR PERTUKARAN MATAWANG YANG TIDAK STABIL AKAN MENGAKIBATKAN PERTUMBUHAN ANTARABANGSA YANG PERLAHAN.

DI SAMPING ITU, KATANYA, TERDAPAT KECENDERUNGAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN UNTUK MENYEKAT IMPORT BARANGAN DARI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG BERSAINGAN DENGAN KELUARAN NEGARA-NEGARA TERSEBUT. — BERSAMBUNG 1754/LK

MAHATHIR 5 GENTING HIGHLANDS

KATANYA SIKAP PERLINDUNGAN NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN INI AKAN MENGAKIBATKAN KESAN BURUK KE ATAS STRATEGI EKSPORT NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN TERMASUK MALAYSIA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN SUASANA EKONOMI YANG KURANG BAIK INI MEMBERI PELUANG KEPADA NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN UNTUK MEMUPUK INDUSTRI-INDUSTRI MEREKA.

TERDAHULU DARI ITU, MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT DATUK RICHARD HO MENINGATKAN BAHAWA KEMAHIRAN, PENGALAMAN DAN KESETIAAN PARA PEKERJA AKAN DAPAT MENENTUKAN SEJAUH MANA OBJEKTIF PEMBANGUNAN NEGARA DAPAT DICAPAI.

KATANYA, PARA PEKERJA ADALAH DI ANTARA SUMBER PALING PENTING BAGI PEMBANGUNAN NEGARA.

TAMBAHNYA, DI DALAM EKONOMI YANG BERKEMBANG DAN PERINDUSTRIAN YANG BERBAGAI BENTUK, PENGURUSAN TENAGA MANUSIA MENJADI BERTAMBAH KOMPLEKS.

+PENGURUS-PENGURUS MEMERLUKAN TEKNIK DAN SAINS PENGURUSAN YANG LEBIH BAIK SEMENTARA PARA PEKERJA PULA PERLU DIBERI PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN YANG SETANDING DENGAN TEKNOLOGI SEMASA, KATANYA. — BERNAMA 1758/LK